



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 2/2023
28 FEBRUARI 2023 (7 SYA'BAN 1444H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam Mesyuarat Majlis yang kedua pada tahun 2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.
2. Saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen

terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Agenda “Membangun Malaysia Madani” yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim pada 19 Januari 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini merupakan satu kerangka dasar pembangunan terbaru negara bagi melonjak dan mengangkat semula martabat negara supaya dihormati sebagai sebuah negara yang makmur berpaksikan kepada enam (6) teras utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.
4. Bagi merealisasikan agenda baharu ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya beriltizam dan komited memastikan setiap usaha-usaha pembangunan yang dilakukan menitikberatkan aspek kemampanan demi kesejahteraan hari ini dan generasi akan datang. Urus tadbir dan mutu perkhidmatan kepada pemegang taruh akan terus dipertingkatkan melalui digitalisasi dan daya cipta kreatif agar Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjadi sebuah organisasi yang dihormati dan diyakini. Kemakmuran yang dikecapi kelak akan disebar luas secara adil kepada semua lapisan masyarakat yang memerlukan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 yang dikeluarkan *Transparency International* menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara berbanding tangga ke-62 pada 2021. Unjuran skor negara jatuh satu mata iaitu daripada 48 mata berbanding pada 2021 kepada 47 mata pada 2022. Usaha-usaha penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa ini bukan sahaja untuk memperbaiki kedudukan negara dalam CPI, malah meningkatkan tahap integriti dan tata kelola yang baik pada semua peringkat termasuk di Pihak Berkuasa Tempatan.
6. Usaha membentaras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan di kalangan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui amalan tata kelola dan tadbir urus yang baik selaras dengan pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Pensijilan ISO 37001:2016 (ABMS) akan diterus dipergiatkan.
7. Sehubungan dengan itu, "*The G.R.E.A.T Civil Service*" yang merujuk kepada "*Good Governance*" (Tadbir Urus Terbaik), "*Responsible*" (Bertanggung jawab), "*Empathy*" (Ihsan), "*Accountable*" (Kebertanggung jawaban) dan "*Tenacity of Purpose*" (Fokus Pada Matlamat) adalah manifestasi perkhidmatan awam terbaik yang akan terus diserapkan bagi membentuk jati diri warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang berintegriti, kompeten dan profesional.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Perkembangan dunia global telah membentuk hala tuju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”.
9. Untuk itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa komited dalam usaha memperkukuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian. Malah, keperluan kepada transformasi, inovasi dan digitalisasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Sistem penyampaian perkhidmatan perlulah menekankan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum mahupun komuniti perniagaan.
10. Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik komitmen Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memperkukuhkan perundangan dan polisi perancangan bandar dengan memberi fokus kepada enam (6) kriteria pembangunan seperti *“Connectivity Neighbourhood”*, *“Sustainable Township Planning”*, *“Multi Sizes Open Space”*, *“Visual Permeability as Passive Security”*, *“Adaptation of Renewable Energy”* dan *“Sustainable Community”*.

11. Peranan Majlis sebagai pengurus bandar yang sedang mengalami proses urbanisasi yang pesat dengan pelbagai isu dan cabaran, semestinya memerlukan tindakan yang pantas dan tuntas. Wawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menjadi pengurus dan pentadbir sebuah bandar raya mampan dan berdayahuni dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera akan diteruskan mengikut acuan rangka kerja pembangunan mampan jangka masa panjang '*PJSSR 2030*' dengan menetapkan 10 tema projek berprestasi tinggi.

12. Atas usaha kita semua, baru-baru ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima tiga penganugerahan pengiktirafan '*diamond*' bagi pencapaian Pengurangan Pelepasan Kesan Rumah Hijau di majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022. Majlis telah menerima penganugerahan ini melalui penyertaan kategori Rakan Kongsi bagi bangunan Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara di Kota Damansara, Pusat Inovasi Petaling Jaya juga di Kota Damansara dan Perpustakaan Komuniti MBPJ. Untuk makluman semua, jumlah pengurangan pelepasan GHG yang dapat dicapai oleh Majlis adalah sebanyak 2,243.71 tan bersamaan 17.26 peratus (%) sejak mula menyertai cabaran bandar rendah karbon 2030 pada tahun 2019.

13. Usaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk bergerak ke arah sebuah bandar raya rendah karbon adalah bermula sejak tahun 2014 dimana Majlis telah menjadi bandar raya peneraju yang menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara melalui penyediaan *PJ Low Carbon City Action Plan*. Pelan

tindakan tersebut telah menggariskan sasaran pengurangan gas rumah hijau sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2025.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, berikut merupakan beberapa pengumuman untuk makluman dan tindakan kita bersama.
15. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan membuat penutupan jalan/ simpang semasa pelaksanaan laluan kontra bermasa pada 1 Mac 2023 bermula pada pukul 5.00 petang hingga 7.30 malam. Antara jalan/simpang yang terlibat adalah Persimpangan Jalan Othman – Jalan Templer, Persimpangan Jalan Gasing – Jalan Templer, Persimpangan Jalan Templer – Jalan 6/29 dan setiap bukaan median di Jalan Templer.
16. Penutupan jalan/persimpangan ini hanya di buat semasa pelaksanaan laluan kontra sahaja untuk tempoh percubaan selama 3 bulan. Untuk makluman, Majlis akan mula mengaktifkan laluan kontra ini bermula pada pukul 5.00 petang sehingga pukul 7.30 malam setiap hari kecuali pada hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan ketika hujan.
17. Kenderaan dari arah Jalan Gasing untuk ke Jalan Othman/Kawasan Melayu perlu melalui Jalan Changgai 6/22 atau melalui Jalan Anak Gasing 6/5-Jalan Tinggi 6/12–Jalan Selangor. Manakala kenderaan dari arah Jalan Othman untuk ke lebuh raya NPE pula perlu membuat pusingan U di Bulatan Assunta.

18. Pengguna jalan raya dari arah Pusat Bandar Petaling Jaya, Seksyen 52 / Lebuhraya Persekutuan boleh menggunakan laluan kontra ini untuk pemanduan lebih lancar. Semua pengguna jalan raya yang melalui laluan ini dinasihatkan peka dan memandu secara berhati-hati dan sentiasa mematuhi papan tanda isyarat yang disediakan di lokasi.
19. Selain itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah membuka kaunter bergerak *EZ-Pay* sepanjang bulan Februari ini bersempena dengan Musim Pembayaran Cukai Taksiran Penggal 1 Tahun 2023. Majlis turut menyediakan kemudahan pembayaran secara dalam talian bagi memberi pilihan kepada pemilik sebagai medium pembayaran terkini. Inisiatif ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat terutamanya pada waktu puncak.
20. Di samping itu, kaunter bergerak ini juga diharap dapat memberi kemudahan serta menggalakkan orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka tanpa perlu ke kaunter-kaunter utama yang lain. Orang ramai boleh melihat lokasi-lokasi terkini kaunter bergerak di laman web Majlis serta laman-laman sosial rasmi MBPJ sepanjang bulan ini bagi memudahkan orang ramai merancang perjalanan berdasarkan lokasi berhampiran rumah masing-masing.
21. Untuk makluman semua, pada hari ni (28 Februari) merupakan hari terakhir kepada pembayar cukai untuk membayar cukai. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pemunya harta agar dapat

membayarinya dengan masa yang berbaki ini bagi mengelakkan dikenakan denda lewat menjelaskan cukai.

22. Akhir sekali, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin merakamkan salam takziah kepada keluarga mendiang Anthony Siva Balan A/L Thanasayan, mantan Ahli Majlis MBPJ yang telah meninggal dunia pada 14 Februari 2023. Mendiang telah berkhidmat selama empat (4) penggal bermula pada tahun 2008-2013 dan cukup aktif dalam menyuarakan kepentingan dan kemudahan orang kelainan upaya (OKU) di Petaling Jaya. Mendiang juga merupakan individu pertama dalam kalangan OKU yang dilantik ke jawatan Ahli Majlis PBT. Segala jasa, bakti dan kebajikan yang beliau lakukan akan terus berkekalan di Petaling Jaya khususnya berkenaan kebajikan orang kelainan upaya.

Sekian. Terima kasih.